

13 MAY 2002

Syed Hamid-Mahathir

AMERIKA AKAN DIDESAK CARI RUMUSAN POLITIK DI ASIA BARAT

Oleh: Jaafar Hussin dan E. Sivabalan

WASHINGTON, 13 Mei (Bernama) -- Malaysia akan mendesak Amerika Syarikat supaya mencari rumusan politik bagi menamatkan sengketa Israel-Palestin dalam usaha membawa keamanan yang berkekalan di rantau Asia Barat.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perkara ini merupakan satu daripada isu utama yang bakal dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan beliau dengan Presiden George W. Bush di Rumah Putih Selasa ini.

Ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia di sini Ahad, Syed Hamid berkata pendirian Malaysia ialah keganasan tidak akan dapat mengatasi persengketaan Israel-Palestin, malah boleh merumitkan lagi keadaan keseluruhan di Asia Barat.

Beliau berkata dalam konteks ini, Perdana Menteri akan memperakukan supaya usaha damai yang diutarakan oleh Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz dari Arab Saudi dijadikan sebahagian daripada inisiatif Pentadbiran Bush ke arah mencari penyelesaian terhadap konflik di Asia Barat.

Cadangan Arab Saudi itu, antara lain, ialah supaya Tel Aviv menyerahkan semua wilayah Palestin yang didudukinya dan sebagai balasan, Israel berhak untuk wujud sebagai sebuah negara merdeka.

Dalam pertemuan yang dijadualkan selama 35 minit itu, Dr Mahathir juga dijangka akan memberi keyakinan kepada Bush bahawa Malaysia akan memberikan kerjasama untuk membanteras keganasan antarabangsa.

Syed Hamid berkata Malaysia sebagai suatu suara yang sederhana dalam bidang keselamatan dan kedamaian akan juga menimbulkan isu-isu lain secara trilateral termasuk isu Afghanistan.

Perdana Menteri dijadualkan tiba di Pangkalan Tentera Udara Andrews Isnin untuk memulakan lawatan rasmi selama empat hari.

Selain mengadakan perbincangan dengan Bush, Perdana Menteri juga dijadualkan berunding dengan Naib Presiden Dick Cheney, Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld dan Pemangku Setiausaha Negara Richard Armitage.

Menurut Syed Hamid, tujuan utama lawatan Dr Mahathir adalah untuk memulihkan semula serta memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia-Amerika Syarikat dalam bidang politik.

Katanya hubungan dua hala antara kedua-dua negara dalam bidang-bidang pertahanan, ekonomi, pelaburan dan lain-lain adalah kukuh sebelum ini. Bagaimanapun, berlaku kerenggangan dalam bidang politik semasa pentadbiran sebelum Bush.

"Itulah sebabnya kita sekarang ingin memulihkan semula perhubungan politik memandangkan perkembangan global terkini seperti jenayah merentasi sempadan, keganasan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata sejak pertemuan pertama Dr Mahathir dengan Bush semasa kedua-dua pemimpin menghadiri Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Shanghai, China Oktober lalu, hubungan mereka secara peribadi telah bertambah akrab.

Beliau percaya lawatan Dr Mahathir kali ini bukan sahaja akan memperkukuhkan lagi hubungan peribadi antara kedua-dua pemimpin itu tetapi juga akan merapatkan lagi hubungan antara negara.

Menteri Luar itu menyatakan bahawa kedua-dua negara akan memeterai Deklarasi bagi Menangani Keganasan Antarabangsa semasa lawatan itu.

Deklarasi itu, yang dijangka ditandatangani oleh Syed Hamid dan Armitage, akan mencerminkan keazaman Kuala Lumpur untuk terus bekerjasama dengan Amerika Syarikat dalam usaha membanteras keganasan global.

Menyentuh penubuhan Perundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi Malaysia yang akan dilancarkan Dr Mahathir Selasa ini, Syed Hamid berkata ia akan menjadi jambatan bagi Malaysia menyampaikan maklumat terkini yang tepat dan lengkap mengenai sebarang perkembangan yang membabitkan Malaysia kepada pihak-pihak yang berkenaan di Amerika Syarikat.

Ia juga untuk menjalinkan rangkaian dan persahabatan yang erat antara kedua-dua negara.

Katanya sebagai sebuah negara yang memainkan peranan penting dalam perdagangan global, adalah perlu diwujudkan mekanisme seperti itu supaya tidak ada kelumpang yang boleh menimbulkan sebarang salah faham.

-- BERNAMA

JS ES AHH RON